

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris

TARIKH : 17 Mei 2016 (Selasa)

**SOALAN : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

status terkini dan pencapaian pembangunan Bank Benih (Seed Bank) melalui penubuhan D8 Seed Bank pada tahun 2009 bagi menangani kekurangan bekalan biji benih yang disebabkan faktor cuaca yang tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara dasarnya, cadangan penubuhan Bank Benih yang melibatkan tiga (3) peringkat iaitu Bank Benih Negara, Bank Benih Serantau dan Bank Benih D8 telah dipersetujui semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8) yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2009. Bank Benih D8 telah dipersetujui untuk diterajui oleh Negara Turki dan Iran dan cadangan penubuhan ini masih belum dimuktamadkan.

Sehingga kini, sebanyak enam (6) siri perbincangan peringkat jawatankuasa kerja telah diadakan bagi membincangkan perkara ini. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keenam Bagi Membincangkan Penubuhan Bank Benih yang telah diadakan di Turki pada tahun 2014 mengambil maklum mengenai kertas cadangan yang telah dikemukakan kepada Sekretariat D8 bagi kelulusan mendapatkan dana penubuhan Bank Benih. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa penubuhan Bank Benih ini amat penting. Walau bagaimanapun, ilmu pengetahuan berkaitan benih dan aktiviti sokongan untuk perdagangan biji benih seperti harmonisasi pendaftaran biji benih dan sistem pensijilan perlu diberikan keutamaan. Ini akan menggalakkan perdagangan dan pertukaran biji benih antara Negara-negara anggota.